



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN**

**PENGUATKUASAAN “OPS BARANG LUSUH” DI BAWAH
AKTA PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT 1975**

Satu operasi penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dinamakan “Ops Barang Lusuh” telah dijalankan di seluruh negara pada 12 dan 13 Februari 2018 bagi memerangi denggi yang menjadi musuh utama negara. Sasaran utama adalah premis barang lusuh yang merupakan antara premis yang menyumbang kepada tempat berpotensi pembiakan Aedes.

Melalui operasi tersebut, sebanyak enam ratus sepuluh (610) premis barang lusuh telah diperiksa. Sejumlah seratus dua puluh satu (121) iaitu 19.8% premis barang lusuh didapati membiakan pembiakan Aedes berlaku. Sejumlah seratus dua puluh (120) tawaran kompaun dengan nilai RM60,000 akan dikeluarkan selepas mendapat izin Timbalan Pendakwaraya. Sebanyak empat puluh sembilan (49) Notis Arahan Kerja-Kerja Pembersihan telah dikeluarkan. Satu (1) pemilik premis barang lusuh akan didakwa di mahkamah kerana kesalahan berulang.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan meneruskan operasi penguatkuasaan secara berterusan bagi membendung peningkatan kes Demam Denggi. KKM juga menyeru setiap individu supaya bersama-sama menjalankan aktiviti pencegahan termasuk membersihkan kawasan persekitaran rumah dan meluangkan masa setiap minggu untuk melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes agar dapat mengurangkan risiko jangkitan Demam Denggi di kalangan masyarakat bagi mencapai keharmonian hidup melalui persekitaran yang selamat.
Tiada Aedes, Tiada Zika, Tiada Chikungunya dan Denggi.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
3 MAC 2018

Lampiran



